

BAB V

EDISI KRITIKAL TEKS JAWI PILIHAN *MAWÓ‘Ú AL-BADÔ’*

5.0. Pengantar Edisi Kritikal Teks.

Isi naskhah kuno adalah suatu warisan yang sangat berharga. Kerana beberapa faktor – di antaranya adalah cuaca dan iklim tempatan - naskhah asli tidak mampu bertahan hingga saat ini. Akan tetapi, kerana jasa para penyalin, beberapa peninggalan kebudayaan kuno bertahan hingga saat ini. Maka tidak hairan apabila para pengkaji naskhah semasa hanya menjumpai salinan sahaja. Tidak banyak diantara mereka yang menjumpai naskhah asli itu sendiri.¹

Penyalinan biasanya banyak dilakukan pada naskhah yang dianggap memiliki isi yang sangat penting. Banyaknya salinan tersebut di satu sisi mengakibatkan timbulnya perbezaan teks. Namun perbezaan teks tersebut kemudian dianggap sebagai kreativiti penyalin itu sendiri. Hal ini kerana penyalin berupaya untuk mempersembahkan suatu naskhah yang dapat difahami oleh pembaca pada zamannya.² Meskipun *ablepsi* (kesalahan bacaan atas huruf atau kata yang hampir sama bentuknya), *ditografi* (pengulangan beberapa kata atau kalimat), *haplografi* (hilangnya satu kata atau lebih kerana ada kata atau rangkaian huruf yang sama berulang dua kali berturut-turut) dan *lakuna* (terlebihnya beberapa kata atau huruf) yang muncul banyak dijumpai dalam

¹ Panuti Sudjiman (1995), *Filologi Melayu*, Jakarta; PT. Dunia Pustaka Jaya, hal. 47.

² Siti Baroroh Baried *et. all* (1994), *Pengantar Teori Filologi*, Yogyakarta; Badan Penelitian dan Publikasi (BPPS) Seksi Filologi Fakultas Sastra, Universitas Gadjah Mada, h. 60

beberapa salinan naskhah. Hal ini kemungkinan disebabkan oleh faktor lengah atau kelelahan dalam proses penyalinan.³

Dari fenomena di atas, maka penulis mengambil inisiatif untuk melakukan kritikan teks terhadap naskhah *MawÉ‘iD al-BadÉ’* sehingga mampu menyajikan edisi teks yang bersih dari pelbagai kesalahan. Adapun beberapa hal berkait dalam rangka menyiapkan edisi tersebut akan dijelaskan kemudian. Maka, dalam bahagian ini akan dihuraikan sumber edisi, metode dan simbol edisi serta edisi teks jawi pilihan *MawÉ‘iD al-BadÉ’*.

5.1.Sumber Edisi KritikTeks.

Naskhah asli (Manuskrip) *MawÉ‘iD Al-BadÉ’* sebagaimana naskhah-naskhah lainnya yang ditulis di atas bahan kertas, kemungkinan telah hancur kerana proses alam atau beberapa sebab lainnya. Yang boleh dijumpai pada saat ini majoriti adalah salinan-salinannya yang telah menjadi koleksi beberapa pusat manuskrip yang ada di Asia maupun Eropah. Dalam rangka menyiapkan kajian ini beberapa pusat manuskrip di Asia telah dikunjungi untuk mengesan salinan manuskrip tersebut manakala pusat manuskrip yang berada di Eropah belum sempat lagi dikunjungi.

Setelah kajian perbandingan dilakukan, 19 manuskrip dari 23 manuskrip sahaja yang dapat dikesan. Manakala 4 lagi naskhah yang tidak dapat dikesan adalah berikutan kerana usaha *rehabilitasi* (pemeliharaan) dan *reprografi* (membaik pulih) sedang dijalankan oleh muzium Negeri Aceh. Manuskrip-manuskrip yang tidak dapat dikesan itu terdiri daripada dua dari lima naskhah koleksi museum Negeri Aceh dan dua manuskrip koleksi Snouck Hurgronje yang telah menjadi koleksi perpustakaan Universitas Leiden Belanda dan juga naskhah koleksi van de Wall yang tidak diketahui

³ Nabila Lubis (1996), *Naskah, Teks dan Metodologi Penelitian Filologi*, Jakarta; Penerbit Yayasan Madia Alo Indonesia, h. 43.

tempat penyimpanannya. Oleh sebab itu penyelidikan ini hanya melibatkan 19 manuskrip yang telah berjaya dikesan sahaja.

5.1.1. Inventarisasi Naskhah.

Untuk keperluan pengesanan dan penghuraian, setiap manuskrip yang telah berjaya dikesan ini telah ditandakan dengan kod. Kod naskhah adalah menggunakan huruf jawi sepertimana senarai berikut;

a. Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia.

1. MSS. 3565 ditandakan dengan (*Alif*)
2. MSS. 2610 (B) ditandakan dengan (*Ba'*)
3. MSS. 2862 (C) ditandakan dengan (*JÊm*)
4. MSS. 2983 ditandakan dengan (*Dal*)
5. MSS. 3583 ditandakan dengan (*Ha'*)
6. MSS. 3585 ditandakan dengan (*Waw*)
7. MSS. 3615 ditandakan dengan (*Dhal*)
8. MSS. 3630 (C) ditandakan dengan (*×a'*)
9. MSS. 3714 ditandakan dengan (*Ûa'*)
10. MSS. 3853 (E) ditandakan dengan (*Ya'*)
11. MSS. 3854 ditandakan dengan (*Kaf*)
12. MSS. 3868 ditandakan dengan (*LÊm*)

b. Koleksi Muzium Negeri Aceh.

13. Ms.07.13 ditandakan dengan (*MÊm*)
14. Ms. 07.41 ditandakan dengan (*NËn*)
15. Ms. 07.957 ditandakan dengan (*SÊn*)

c. Koleksi Perpustakaan Nasional Republik Indonesia.

16. ML. 323 ditandakan dengan (*'Ain*)

17. ML. 341 ditandakan dengan (*Fa'*)

18. ML. 115 ditandakan dengan (*Øad*)

d. Koleksi Perpustakaan Ali Hasjmy.

19. No.27 A/HD/1/YPAH/ 2005 ditandakan dengan (*Qaf*)

5.1.2. Deskripsi Naskhah.

Terdapat 19 naskhah yang berjaya dikesan sebagai sumber edisi seperti yang telah disebut sebelumnya. Selanjutnya pada bahagian ini akan dideskripsikan keadaan fizikal setiap naskhah dan juga struktur teksnya.

a. MSS. 3565

Naskhah ini terjilid bersendirian tanpa cover/sampul. Kertas agak lapuk pada halaman awal dan akhir. Bahagian akhir kertas mula menghitam termakan dek usia. Terdapat satu lembaran folio yang salah dalam penjilidan. Kerana kertas yang seharusnya berada pada turutan ke 2 terletak pada turutan ke 5. Sehingga nampak halaman yang hilang. Padahal sebenarnya tersilap sahaja. Meskipun demikian tidak mengganggu keutuhan teks di dalamnya. Alas naskhah adalah kertas laid Eropah berukuran 21.2 X 15.2 cm. Tera air burung di dalam bulatan bergaris dua dan bermahkota, perkataan GIOR MAGNANI di bawah.

Teks kemas dengan khat *na'li* dalam 17 baris. Dimulai pada halaman 2 verso dan tamat pada 46 verso. Ditulis dengan menggunakan tinta hitam. Warna merah

nampak pada awal perbincangan, ayat al-Qur'an dan hadith. Tidak terdapat iluminasi pada bahagian awal juga akhir. Pada halaman akhir terdapat tulisan seperti catatan miring tepat di bawah teks terakhir. Tulisan tersebut ditulis dengan terbalik. Pada halaman depan juga terdapat tulisan yang tidak mempunyai akhiran.

Struktur teks lengkap dimulai dengan pendahuluan dan tamat pada pengajaran ke 50. Tidak dijumpai nama penyalin dalam kolofon. akan tetapi tahun penyalinan tertulis jelas. Iaitu 1221 H. terdapat keterangan pemilik naskhah iaitu Labai Lambengat yang duduk di Pekan Lambaro, Aceh. Manakala tajuk naskhah tertulis secara jelas pada bahagian pendahuluan.

b. MSS. 2610 (B)

Diberi kod (B), kerana teks berada di turutan kedua dari kumpulan beberapa teks dalam satu jilid manuskrip. Secara fizikal manuskrip ini telah direstorasi sehingga tersimpan dalam bentuk lembaran dan tidak memiliki sampul/cover. Jenis kertas laid Eropah berwarna putih kekuningan nampak kesan lubang dan titisan air. Kertas berukuran 24.6 X 16.9 cm. Tera air *water mark* berbentuk (i) gambar 3 bulan sabit selaras dengan saiznya mengecil dan (ii) VG.

Teks ditulis dalam 21 baris kemas tapi tidak menarik. Dengan jumlah 40 halaman. Teks dimulai pada halaman 21 verso dan tamat pada 40 verso. Ditulis dengan menggunakan tinta berwarna hitam dan pada beberapa awal perbincangan berwarna merah. Warna merah juga digunapakai dalam menulis ayat al-Qur'an dan hadith. Terdapat beberapa catatan pinggir pada hampir setiap halaman. Catatan tersebut adalah tambahan kata atau kalimat pada saat penyalinan. Kemungkinan penyalin kurang cermat dalam menyalin. Kemungkinan juga didukung dengan banyaknya coretan pada teks yang menandakan kesalahan penulisan. Selain itu pada halaman 30 rekto nampak

tulisan terbalik dan kosong pada 30 verso. Kemungkinan kerana kesalahan pada saat kerja restorasi. Beberapa coretan dengan tinta berwarna biru juga nampak pada halaman 21, 22, dan 37.

Terdapat keterangan tajuk pada bahagian muqaddimah yang menyatakan "... dan kunamai akan dia *MawÉiÐ al-BadÊ*' artinya segala pengajaran yang indah2....". Namun keterangan penyalin dan tahun penyalinan tidak dijumpai. Naskhah ini dimulai dengan pendahuluan dan diakhiri pada pengajaran ke 38. "... sabda Nabi Øalallahu 'Alaihi wa Sallam al-jannatu li al-muÿi'Ên walaukana 'abdan habshiyyan. Bermula.....". selain itu pada pengajaran 19 tiba-tiba teks terhenti "... dan /di/ rendahkan olehmu akan dirimu niscaya aku....". Kemudian pada halaman berikutnya dimulai dengan "... murkaku atasmu dan jangan engkau".

c. MSS.2862 (C)

Tersimpan di Perpustakaan Negara Malaysia dengan kod. MSS. 2862. Kondisi naskhah tidak memiliki cover/sampul. Pada bahagian depan sudah mulai lapuk dan banyak terdapat coretan-coretan dengan pensil. Selain itu terdapat juga tulisan halaman dengan menggunakan pensil. Kemungkinan tulisan halaman tersebut dibuat oleh bahagian pernaskhahan. Manakala coretan dari pensil tidak diketahui tulisan siapa. Nampak seperti coretan yang dibuat oleh anak kecil. Kertas yang digunapakai adalah kertas laid Eropah berwarna putih kekuningan dengan ukuran 22.1 X 16.4 cm. Dengan tera air (i) bulan sabit berprofil manusia di dalam perisai, (ii) LAN, (iii) bulan sabit berprofil manusia sebaris dengan saiznya mengecil dan (iv) VG.

Teks tertulis dengan tinta berwarna hitam dan beberapa awal perbincangan ditulis dengan tintah merah. Selain itu ayat al-Qur'an dan hadith juga ditulis dengan warna merah. Tulisan kemas tapi tidak menarik kerana tidak konsisten seperti pada

halaman 101 verso dan 103 rektó. Kemungkinan keadaan tersebut disebabkan kerana penyalin mengalami kepenatan. Selain itu tulisan pada beberapa halaman juga nampak kabur seperti pada halaman 109 verso, 108 hingga 120 rektó. Kemungkinan ini kerana keadaan kertas yang sudah lama.

Keadaan struktur teks lengkap dimulai dengan pendahuluan dan berakhir pada pengajaran ke 50. Namun isi pembukaan tidak lengkap kerana dimulai dengan tiba-tiba pada "*..... atas segala sahabatnya sekalian, amma ba'du....*". Pada halaman sebelumnya nampak seperti akan menulis pendahuluan, namun tidak selesai ditulis. Pembukaan tersebut kemungkinan bukan untuk teks *MawÉiÐ al-BadÉ'* kerana pada bahagian puji-pujian teks berbeza dengan yang biasa terdapat pada teks *MawÉiÐ al-BadÉ'*. Meskipun tidak lengkap namun penjelasan mengenai tajuk masih ada. Pada bahagian kolofon terdapat keterangan tahun penyalinan sahaja. Dan tidak didapati keterangan penyalin. "*.... kitab ini itu pada hijrah Nabi Øalallahu 'Alaihi wa Sallam seribu dua ratus dua puluh setahun pada setengah bulan rabi' al-akhir*".

d. MSS. 2983

Tidak ada kod lain di belakang nombor, maknanya naskhah ini adalah bersendirian. Keadaan fizikal naskhah tidak memiliki cover dan tidak berjilid sehingga bercerai. Pada halaman-halaman akhir nampak telah dilakukan restorasi. Restorasi dilakukan pada bahagian kertas yang lubang kerana dimakan ulat. Meskipun demikian teks masih boleh dibaca. Kertas yang digunapakai adalah Laid Eropah berwarna putih kekuningan. Ukuran 22,5 X 16,5 cm. Tera air 3 bulan sabit sebaris dengan saiznya mengecil.

Teks ditulis dengan menggunakan tinta hitam dan merah. Tulisan merah menandakan beberapa awal perbincangan dan ayat al-Qur'an juga hadith. Tulisan

kemas namun kurang menarik. Baris teks pada setiap halaman adalah 19. Terdapat garis mengelilingi teks sebagai pembatas antara isi teks dengan *hamish*. Garis dibuat dengan tinta berwarna merah. Teks ditulis mulai pada halaman 116 verso sampai dengan 159 verso. Manakala halaman manuskrip seluruhnya adalah 164 halaman.

Adapun struktur teks lengkap dimulai dengan pendahuluan dan berakhir pada pengajaran ke 50. Tajuk kitab juga ditulis dalam pendahuluan. *"...dan kunamai akan dia mawÉ'iÐ al-badÉ'..."*. Terdapat juga catatan penyalin /kolofon yang menyebutkan tahun penyalinannya iaitu tahun 1220 H. Manakala keterangan pengarang tidak terdapat keterangan. Kolofon tersebut menyatakan *"..dan telah selesailah hamba faqir ila Allah Ta'ala yang hina daripada segala makhluk daripada menterjemahkan kitab ini pada hijrah Nabi Shalallahu Alaihi wa Sallam seribu dua ratus dua puluh tahun pada setengah bulan rabi' al-akhir, tamat amin."*

e. MSS. 3583

Seperti sebelumnya naskhah ini adalah bersendirian. Keadaan fizikal naskhah baik tidak memiliki sampul/cover. Pada bahagian depan kertas nampak hitam. Nampaknya kerana umur naskhah yang tua. Terdapat satu halaman yang dipotong pada bahagian tengah iaitu pada halaman sembilan. Teks ditulis di atas kertas Laid Eropah berukuran 23.5 X 17.5 cm. Terdapat tera air berbentuk (i) gambar 3 bulan sabit sebaris dengan saiznya mengecil dan (ii) VG.

Teks majoriti ditulis dalam 19 baris. Namun ada yang ditulis dalam 17 baris pada halaman 40 rekto, juga dalam 18 baris pada halaman 39 verso. Kecuali halaman pertama 9 baris dan halaman terakhir 14 baris. Penulisan teks dimulai pada halaman 2 rekto dan berakhir pada 39 verso. Penulisan menggunakan tinta hitam. Hanya pada bahagian awal perbincangan, ayat al-Qur'an dan Hadith ditulis dengan warna merah.

Namun pada halaman 38 verso terdapat hadith yang ditulis dengan warna hitam. Tulisan dengan khat *na'li* semi *riq'É* kemas namun tidak menarik. Terdapat garis dengan warna hitam dan coklat memutar mengelilingi teks pada halaman pertama.

Struktur teks lengkap mulai dari pendahuluan hingga pengajaran ke 50. Terdapat kolofon pada bahagian akhir teks. Namun penjelasan mengenai penyalin dan tahun penyalinan tidak dituliskan. Hanya hari tertulis pada kolofon "... *pada hari selasa waktu ðúÉ..*". Terdapat satu hal yang beza pada teks ini. Keterangan tajuk ditulis dua kali dengan kata yang berbeza. Pertama tertulis pada bahagian muqaddimah "... *yang kunamai akan dia Maw'íÐ al-BadÉ' artinya....*". Namun pada kolofon tertulis "...*wa shahbihi taku tamat MawÉ'íÐ al-Badi' pada hari.....*".

f. MSS. 3585

Naskhah yang bersendirian ini telah menjadi koleksi PNM pada 23 Jun 2004 setelah dibeli dari seorang pengumpul naskhah. Demikian keterangan pegawai pernaskhahan PNM. Kondisi secara fizikal masih bagus meskipun tidak terdapat lagi cover/sampul. Jenis kertas yang digunakan adalah Laid Eropah dengan ukuran 17 X 12 cm. Terdapat lubang memanjang horizontal dan vertikal kerana dimakan ulat. Lubang nampak besar pada halaman pertama dan mengecil hingga halaman 10. Meskipun lubang berada di bahagian isi teks, namun tidak mengganggu keadaan teks kecuali hanya sedikit. Tera air berbentuk gambar bulan sabit berprofil manusia di dalam perisai.

Naskhah ini memiliki jenis tulisan dengan khat *riq'É* yang konsisten dan menarik. Penulisan menggunakan tinta dengan warna hitam dan merah. Seperti pada kebanyakan naskhah warna merah digunakan pada bahagian awal perbincangan, ayat

al-Qur'an dan Hadith sahaja. Teks ditulis pada 19 baris dimulai dari halaman 2 verso dan di akhiri pada 39 rekto. Terdapat halaman yang kosong pada 23 verso dan 24 rekto.

Pada bahagian pendahuluan teks ditulis pada 12 baris. Semakin nampak cantik manakala pada bahagian tersebut dibuat laminasi. Laminasi dilengkapi kombinasi tiga warna iaitu merah, kuning, hijau dan biru. Selain itu terdapat juga garis yang mengelilingi teks dengan tinta hitam. Yang juga dibuat pada halaman selepasnya. Pada halaman selepas teks terakhir terdapat juga laminasi. Namun kombinasi warna hanya dua sahaja. Iaitu merah dan hitam kecoklatan. Selain laminasi pada halaman akhir juga dituliskan doa-doa yang dipersembahkan kepada Rasulullah. Antaranya. *"Allahumma Øalli wa Sallim 'AlÉ SayyidinÉ Muáammad fÊ kulli waqtin wa ÍÊnin"*.

Naskhah ini selain memiliki tulisan yang cantik dan menarik. Akan tetapi struktur teksnya kurang lengkap. Kerana pengajaran ke 40 tidak ada. Selain daripada itu keterangan tentang penyalin dan tahun penyalinan tidak dijumpai. Hanya penjelasan hari sahaja yang ada, iaitu *" min yaum al-jum'ah waqtu ÍuÍÉ subÍ"*. Manakala keterangan judul ianya juga ditulis dua kali. Bahagian pendahuluan dan pada catatan penyalin berada di antara laminasi halaman akhir iaitu *"MawÉ'iÐ al-BadÉ"*. Selain itu terdapat pula catatan penyalin berupa ancaman akan pentingnya kitab ini. Katanya *"barang siapa tiada percahya kitab ini niscaya binasalah di dalam dunia dan di dalam akherat"*.

g. MSS. 3615

Naskhah ini telah dibeli oleh PNM dari seorang pengumpul manuskrip sejak 15 Mac 2005. Nampaknya naskhah ini mulanya adalah kumpulan teks-teks. Nampak pada halaman satu verso terdapat bahagian akhir tulisan sebuah naskhah yang tidak diketahui tajuknya. Secara fizikal pada kertas bahagian depan nampak agak lapuk dan pudar

warnanya. Kertas naskhah ini adalah kertas anyaman berukuran 17 X 10.8 cm. Tidak ada cover/sampul dan naskhah sedikit rapuh pada halaman depan.

Tulisan pada naskhah ini dimulai dari halaman 2 rekto dan berakhir pada halaman 53 verso. Pada setiap halaman teks ditulis dalam 15 baris dengan tinta berwarna hitam. Namun pada beberapa bahagian di setiap halaman nampak warna hitamnya pudar sehingga berubah menjadi coklat. Selain itu tinta juga mengembang dakwatnya sehingga nampak tulisan tumpang tindih. Tulisan kurang kemas sehingga tidak menarik. Pada bahagian awal semua ditulis dengan warna hitam. Namun pada separuh akhir terdapat beberapa kata ditulis menggunakan tinta merah dengan tulisan yang agak kemas. Pada bahagian akhir nampak cantik dengan diletakkannya garis dengan warna merah mengelilingi teks. Apatah lagi ditambah laminasi sederhana yang menyambung dengan garis yang menggunakan warna hitam dan merah.

Struktur teks naskhah ini adalah lengkap. Dimulai dengan pendahuluan dan berakhir dengan pengajaran ke 50. Akan tetapi bahagian awal pendahuluan tidak ada. Ia dimulai dengan *".....amma ba'du, Adapun kemudian dari itu maka ..."*. Kemungkinan telah tercicir dari jilidnya dan hilang. Meskipun demikian naskhah ini dilengkapi dengan kolofon. Dalam kolofon terdapat keterangan bahwa naskhah disalin pada hari rabu waktu dhuha tahun 1291 H. *"...pada hari rabu waqtu ðuÉ sanah 1291"*. Meskipun bahagian awal pendahuluan tidak ada, namun penjelasan tajuk masih ada. *"....maka inilah suatu kitab yang kunamai akan dia mawÉ'iÐ al-badÉ' artinya...."*. Selain itu pada kolofon juga kembali diulang. *"..... tamat kitab mawÉ'iÐ al-badÉ' pada hari..."*.

h. MSS. 3630 (C)

Naskhah ini sangat tebal kerana mengandungi 3 teks yang berbeza. Jumlah halaman dimulai dari 1 verso sampai 152 rekto. Secara fizikal ia merupakan naskhah

relatif yang bagus. Apatah lagi cover yang terbuat dari kulit. Meskipun sedikit terkopak, tetapi masih melekat dan dapat membungkus jilid dan kertas. Manakala teks kajian ini berada di urutan yang ketiga. Kertas yang digunapakai adalah Laid Eropah 23.5 X 17.5 cm. Terdapat tera air berbentuk gambar (i) bulan sabit berprofil manusia di dalam perisai dan (ii) VG. Terdapat lubang pada bahagian isi teks kerana dimakan ulat iaitu pada halaman 131 hingga akhir. Namun demikian tidak mengganggu bacaan kerana lubang tersebut memanjang dan tidak lebar.

Tulisan kemas dan menarik dengan khat *na'îi*. Ditulis dengan warna hitam dan juga warna merah pada beberapa awal perbincangan, ayat al-Qur'an dan hadith. Jumlah baris tulisan pada tiap halaman adalah 21 baris. Dimulai dari halaman 114 verso dan tamat di halaman 150 verso. Tidak terdapat catatan pada *hamish* kecuali pada beberapa tempat. Iaitu pada halaman 123 rektu dan 125 rektu. Sedangkan laminasi tidak dijumpai pada naskhah ini.

Mengenai kelengkapan struktur teks. Naskhah ini memiliki teks yang lengkap, dimulai dengan pendahuluan dan tamat pada pengajaran ke 50. Selain itu disertakan juga kolofon. Dalam kolofon dijelaskan tahun penyalinannya, iaitu 1230 H. *"....daripada menterjemahkan kitab ini pada hijrah Nabi Øalallahu 'Alaihi wa Sallam seribu duaratus tiga puluh tahun pada qaul yang a'la' wa Allahu a'lam"*.

i. MSS. 3714

Naskhah ini masih terjilid. Terdapat cover/sampul menggunakan kertas tebal yang dilapisi dengan kain pada bahagian depan. Dasar kain adalah hitam dengan ornamen bergambar bintang dan segitiga dengan warna perak. Nampaknya cover dibuat oleh pemilik naskhah. Dan bukan cover awal naskhah. Nampak dari kertas dan keadaan cover yang masih bagus. Berbeza dengan kertas naskhah yang sudah rapuh pada

halaman awal. Apatah lagi halaman akhir iaitu 52 sampai 59. Kerosakan bahkan hampir menjejaskan isi teks. Dan kertas yang digunapakai adalah kertas anyaman berukuran 23 X 17.5 cm. Jumlah halaman naskhah 59 halaman.

Nampaknya bahagian pernaskhahan tersilap memberikan kod kerana dalam satu jilid naskhah tersebut terdapat teks lain. Pada halaman awal hingga halaman 13 verso. Juga pada halaman akhir iaitu 52 rekto hingga 59. Nampak dari naskhah kajian ini yang dimulakan pada halaman 14 rekto dan tamat halaman 51 verso. Adapun warna tulisan adalah hitam dan merah. Sebagaimana naskhah lainnya warna merah hanya pada awal perbincangan, ayat al-Quran dan hadith. Selain pada bahagian akhir terdapat iluminasi berwarna hitam dan merah.

Naskhah ini adalah lengkap dimulai dengan pendahuluan dan berakhir pada pengajaran ke 50. Tidak terdapat keterangan penyalin. Kecuali keterangan tahun penyalinan yang tertulis dengan jelas dalam kolofon. "*..... iaitu pada hijrah nabi Øalallahu 'Alaihi wa Sallam seribu dua ratus dua puluh setahun pada setengah bulan rabi' al-akhir ...*". Manakala penjelasan tajuk adalah sepertimana terdapat pada muqaddimah "*... kunamai akan dia mawÉ'iz al-badÉ'...*". Selain kolofon penyalin dalam naskhah ini juga terdapat catatan penyalin yang ditulis dengan selain bahasa Melayu.

j. MSS. 3853 (E)

Naskhah tersebut berisi pelbagai karangan. Dengan saiz yang tebal. Tidak terdapat keterangan halaman. Namun naskhah kajian ini berada di urutan kelima dari 18 tajuk karangan. Secara fizikal naskhah ini masih dalam jilid yang rapi dengan cover/sampul yang masih utuh dengan warna hitam dan motif yang sudah pudar. Kertas juga masih bagus kecuali beberapa bahagian pinggir yang agak kehitam-hitaman.

Kemungkinan akibat kotoran yang menempel. Kertas yang digunakan adalah Laid Eropah dengan saiz 16.5 X 11 cm. Dengan tera air "Coat of arms".

Teks ditulis dengan khat *nashîi*. Pada setiap halaman terdiri dari 26 baris. Oleh sebab itu teks sangat kecil dan tidak sedap untuk dibaca. Tinta yang digunakan adalah hitam. Tinta merah hanya pada kata "pangajaran" yang menunjukkan bab baru. Catatan pinggir juga tidak ditemui. Kerana memang tidak ada lagi bahagian kosong untuk catatan pinggir. Dari 288 halaman teks kajian ini dimulai pada halaman 71 rektu dan tamat pada 83 rektu.

Struktur teks tidak lengkap kerana hanya selesai pada pengajaran ke 40. Seperti tertulis pada halaman akhir iaitu 83 rektu. "... kelima menghinakan dirinya. Kata.... wa Øalallahu 'alÉ khairi khalqihi sayyidunÉ Muáammad wa Élihi wa ÍaÁbihi ajma'Ên bi rahmatika ya arÍama /rÉ/himÊn amin tamat wa Allahu a'lamu". Sehingga keterangan mengenai penyalin naskhah juga tidak dijumpai. Kerana naskhah ini tidak memiliki kolofon sebagaimana pada naskhah yang lain.

k. MSS. 3854

Naskhah ini telah menjadi koleksi PNM sejak 18 November 2005. Naskhah ini memiliki 46 halaman. Jenis kertas adalah Laid Eropah 21.8 X 15.8 cm. Terdapat tera air berbentuk 3 bulan sabit sederet dengan saiznya mengecil. Keadaan naskhah adalah berjilid tanpa cover/ sampul. Kertas bahagian depan sudah agak lapuk dan banyak terkoyak. Terdapat beberapa tulisan seperti pendahuluan yang tidak tamat. Pada bahagian akhir kertas juga sangat rapuh dan sudah mulai berwarna hitam. Bahkan terdapat lubang besar hingga halaman 43. Namun lobang tidak banyak mengganggu tulisan. Pada bahagian tengah kertas terkena air khususnya pada halaman 19 hingga 24.

Selain itu terdapat juga lubang besar pada bahagian isi teks yang menjejaskan bacaan iaitu pada halaman 23 hingga 25.

Teks tertulis dengan tinta hitam dan merah. Tulisan dengan khat *na'lihi* kemas tapi kurang menarik. Kemungkinan kerana keadaan kertas yang agak rapuh terkena air dan panas. Beberapa awal perbincangan, ayat dan hadith ditulis dengan warna merah. Catatan pinggir dijumpai pada sebahagian halaman. Teks dimulai dari halaman 2 verso dan tamat pada 45 verso. Pada setiap halaman teks ditulis dalam 17 baris. Pada beberapa tempat khususnya yang terkena air tulisan kelihatan kabur. Kemungkinan tinta yang hilang terkena air.

Terdapat juga kolofon yang menyebutkan tahun penyalinan. Namun kerana ada sebahagian yang berlubang sehingga hilang bacaan angka akhir. "... *Øalallahu 'Alaihi wa Sallam seribu dua / / tahun pada setengah bulan rabi' al-akhir...*". Pada catatan pinggir dalam halaman 15 terdapat tulisan menggunakan pensil. "*yang pu kitab tenku Amin orang patinyan*". Kemungkinan dahulu naskhah ini adalah milik beliau. Sebelum akhirnya menjadi koleksi PNM. Tidak dijumpai penjelasan lain dalam kolofon terkait dengan penyalin.

Struktur teks lengkap dimulai dengan pendahuluan dan tamat pada pengajaran 50. Namun perbezaan yang sangat jelas dengan naskhah lainnya adalah kewujudan teks arab. Iaitu pada pengajaran ke 2 hingga pengajaran ke 32. Nampaknya teks arab tersebut adalah teks awal sebelum selanjutnya diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Seperti pada pengajaran ke 2 halaman 3 verso; "*shahidtu nafsÊ lÊ ilÊha illa ana walÊdi lÊ sharÊka lahu. Aku naik saksi bagi diriku bahwa sanya tiada Tuhan yang disembah dengan sebenar/-sebenar/nya melainkan Aku jua pada hal esaKu tiada sekutu bagiKu*"

1. MSS. 3868 (A)

Dalam katalog ia diberi kod (A), maknanya naskhah berada di urutan pertama di antara dua naskhah lainnya. Secara fizikal naskhah sudah dibuat restorasi. Cover asal masih disertakan tapi tidak diguna lagi. Bahan cover kulit dan ditambah juga dengan kain yang berwarna merah dan coklat dengan garis-garis horizontal halus. Kertas yang digunapakai adalah Laid Eropah. Dengan ukuran 23 X 17 cm. Terdapat tera air dengan gambar BG.

Tinta yang digunapakai berwarna hitam dan merah. Seperti mana naskhah lainnya penggunaan warna merah hanya pada awal perbincangan, ayat al-Qur'an dan hadith. Tulisan ditulis dengan khat *na'îi* kemas dan menarik. Tidak banyak catatan pinggir kecuali pada beberapa halaman sahaja. Teks dimulai pada halaman 1 verso dan tamat pada 39 rekto. Keseluruhan jumlah halaman naskhah adalah sebanyak 117 halaman. Jumlah baris teks pada setiap halaman adalah 19.

Struktur teks lengkap, dimulai dengan pendahuluan dan tamat pada pengajaran ke 50. Penjelasan mengenai tajuk secara jelas dijelaskan pada pendahuluan. "...*dan kunamai akan dia maw'iz al-bad'..*". Terdapat perbezaan yang sangat nampak pada kolofon dibandingkan dengan teks-teks lainnya. Pada kolofon ditulis dengan menggunakan bahasa Arab. Selanjutnya diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. "*Wa qad faraghtu wa tarjamtu min nuskhah hÉdza al-kitÉb min al-hijrah al-nabawiyah.....*". Diterjemahkan "*dan sanya hamba selesaikan dan hamba pindahkan daripada nuskahnya akan kitab ini daripada masa hijrah Nabi...*" Mengenai keterangan tahun penyalinan telah tertulis tahun 1277 H.

m. Ms. 07.13

Nombor pada naskhah ini diidentifikasi semula iaitu nombornya 761. Namun nombor tersebut telah diperbaharui menjadi Ms. 07.13. Naskhah ini hanya dijumpai salinannya kerana beberapa sebab. Merujuk kepada informasi dalam katalog, tercatat bahawa kertas yang digunapakai berukuran 21 X 16 cm. Naskhah dalam keadaan baik dan mempunyai 79 halaman.

Teks ditulis dengan khat *na'li* dengan gaya *riq'É*. Kemas tapi kurang menarik kemungkinan warna hitam dan merah digunapakai dalam penulisan teks. Nampak dari beberapa tulisan tidak jelas. Kemungkinan itu yang ditulis dengan tinta merah. Terdapat laminasi pada bahagian pendahuluan kerana dijumpai bentuk salinannya, jadi tidak diketahui warna dalam laminasi. Mengenai catatan pinggir juga tidak banyak dijumpai.

Berkaitan dengan struktur naskhah, nampaknya naskhah tersebut adalah lengkap. Namun naskhah yang hanya dijumpai dalam bentuk salinan, terdapat satu halaman yang memuat dua halaman teks naskhah. Sehingga sebahagian pengajaran ke 3 dan 4 tidak ada. Manakala beberapa pengajian lainnya adalah lengkap. Dalam kolofon tercatat tahun penyalinan iaitu 1220 H. Manakala keterangan penyalin ditulis pada catatan penyalin. Iaitu "*...yang surat kitab ini Labai 'Aini cang badi sayang kasih....*". mengenai tajuk yang ditulis pada bahagian muqaddimah.

n. Ms. 07.41

Naskhah ini ditandakan dengan kod MS. 113 R pada katalog lama. Sekarang kod tersebut telah berubah menjadi MS. 07.41. Keadaan fizikal naskhah baik dan dilengkapi dengan cover. Cover tersebut dilapisi dengan kain berwarna merah dengan motif bunga sudah agak terkelupas pada beberapa bahagian. Terdapat 6 kertas yang masih terjilid dengan baik. Masing-masing kertas terdapat 6 hingga 8 lembaran folio dengan ukuran

15.5 X 22 cm. Keadaan kertas sudah agak lapuk khususnya pada bahagian pinggir. Akan tetapi tidak menjejaskan teks. Pada 3 halaman terakhir nampak lubang hampir menjejaskan teks. Selain teks *MawÉiÐ al-BadÉ'* dalam naskhah juga terdapat teks *ShifÉ' al QulÉb* dan *Iqadh al GhÉfilÉn*.

Jumlah halaman naskhah 145 halaman. Manakala teks *MawÉiÐ al-BadÉ'* dimulai pada halaman 66 dan tamat pada halaman 145. Teks ditulis dengan tinta berwarna hitam dan merah. Warna merah untuk awal perbincangan, ayat al-Qur'an dan hadith. Tulisan menggunakan khat *naÍi* dengan sedikit kesan *riq'i* khususnya pada huruf *sÉn* dan *kaf*. Tulisan kemas tapi tidak menarik kerana agak kecil. Dalam satu halaman teks ditulis dalam 17 baris.

Naskhah ini termasuk antara yang lengkap dengan pendahuluan dan 50 pengajaran. Dalam kolofon tidak dijelaskan mengenai tahun penyalinan juga penyalinnya. Dalam kolofon hanya menyebutkan "*Dan telah selesailah hamba faqir ila Allah Ta'ala, wa Allah al-A'lam*". Mengenai tajuk naskhah telah dituliskan secara jelas pada bahagian muqaddimah. "*....suatu kitab dan kunamai akan dia MawÉ'iÐ al-BadÉ' artinya segala pengajaran yang indah2...*".

o. Ms. 07.957

Kod yang tertulis pada bahagian depan naskhah adalah MS. 07.957. Tidak diketahui keterangan yang sesuai dengan katalog lama. Ini kerana ketika hendak melakukan penaskhahan, pihak penaskhahan telah mencari beberapa naskhah lalu secara tidak sengaja menjumpai naskhah ini dalam tumpukan beberapa naskhah. Naskhah bagus kerana telah dibuat restorasi. Ia terdiri dari 1 kuras (kumpulan kertas dalam satu jilid naskhah) dengan 8 lembaran folio. Ukuran kertas 22 X 16 cm. Tidak terdapat cover/ sampul.

Teks ditulis dengan tinta warna hitam dan merah pada beberapa awal perbincangan. Dimulai pada halaman 1 rekto dan tamat pada halaman 16 rekto. Tulisan pada setiap halaman adalah 21 baris. Ditulis secara konsisten dengan khat *riq'i*. Beberapa tulisan mula pudar warnanya, kemungkinan kerana terkena air dan tersimpan di tempat yang lembab sehingga kertas menjadi basah. Tidak ada iluminasi dan juga catatan pinggir.

Struktur teks tidak lengkap kerana dimulai dengan pengajaran yang kedua puluh lapan. Bahagian pendahuluan dan pengajaran pertama hingga dua puluh tujuh juga tidak ada. Pada bahagian akhir kolofon telah dijumpai. Namun begitu ia tidak memberikan maklumat samada dari sudut tahunnya ataupun tempat penyalinannya. Ia hanya menjelaskan bahwa penterjemahan telah selesai. *"...dan telah selesailah hamba faqir ila Allah Ta'ala yang sehina daripada segala makhluk daripada menterjemahkan kitab ini tamat amin"*.

p. ML. 323

Tidak terdapat naskhah lain dalam jilid-jilid naskhah ini. Keadaan fizikal naskhah paling baik pada bahagian sampul yang menggunakan kertas tebal. Namun kertas pada bahagian dalam sangat rapuh. Bahkan pada beberapa halaman nampak kertas terkoyak kerana tinta. Bahagian pernaskhahan mengizinkan untuk melihatnya tanpa mengadakan pemeriksaan halaman demi halaman kerana keadaan kertas yang sangat rapuh dan mudah koyak. Alas kertas berukuran 21.5 X 17 cm. Manakala blok teks adalah 16 X 11cm. Terdapat nombor pada naskhah dengan menggunakan pensil dengan huruf arab. Naskhah terdiri dari 82 halaman.

Teks ditulis dengan tinta berwarna hitam dan merah. Warna merah digunakan untuk menandakan awal perbincangan, ayat al-Qur'an dan hadith sebagaimana naskhah-

naskhah lainnya. Penulisan dimulai dengan halaman 5 dan tamat pada halaman 77. Terdapat doa-doa raja gayo pada bahagian akhir. Berdasarkan keadaan naskhah di atas, maka tidak dilakukan penelitian atas naskhah ini. Meskipun telah didapati juga dalam bentuk digital namun keadaan gambar khususnya mengenai teks memang susah untuk diidentifikasi. Tuntasnya proses pemotretan dilakukan pada naskhah yang memang sudah rosak. Oleh kerana itu, naskhah ini tidak dilakukan penelitian ke atasnya.

q. ML. 341

Dalam naskhah ini terdapat teks-teks lain. Manakala teks *MawÉ'ÉÐ al-BadÉ'* berada pada turutan yang pertama. Keadaan fizikal naskhah baik. Masih terdapat cover/sampul dengan menggunakan kertas tebal berwarna merah gelap dengan motif lirik berwarna coklat. Alas teks adalah kertas infor tebal dengan ukuran 20 X 15 cm. Dengan ukuran blok teks. 16 X 10cm. Kertas berwarna putih kekuningan.

Teks ditulis dengan menggunakan tinta hitam. Juga merah pada awal perbincangan, ayat al-Qur'an dan hadith. Tulisan kemas dan konsisten dengan khat *nashhi* dengan beberapa gaya *riq'i*. Teks dimulai pada halaman pertama dan tamat pada halaman 80. Keseluruhan penulisan teks pada setiap halaman adalah 19 baris kecuali pada halaman pertama hanya 12 baris dan halaman akhir 11 baris. Terdapat catatan pinggir pada halaman 2 juga 60. Iluminasi juga sangat cantik pada bahagian awal teks dan akhir. Terdapat garis yang mengelilingi teks pada halaman pertama dan terakhir.

Struktur teks lengkap dimulai dengan pendahuluan dan tamat pada pengajaran ke 50. Pada bahagian akhir juga terdapat kolofon. Tahun teks itu disalin juga terdapat dalam kolofon. Tidak dijelaskan siapa penyalin dan penulis naskhah tersebut. Mengenai tahun, keterangan sangat jelas bahkan hari tanggal dan bulan tertulis dengan lengkap. ” daripada menterjemahkan kitab ini hijrah nabi s. m. seribu dua ratus lima puluh

tahun pada dua puluh tujuh bulan syawal pada hari ahad". Mengenai keterangan tajuk sebagaimana naskhah lainnya pula diletakkan pada bahagian muqaddimah

r. ML. 115

Pada katalog naskhah ini bertajuk *BayĒn TajallĒ* dengan kod. ML. 115. Dalam satu jilid naskhah ini mengandungi tiga tajuk yang berlainan iaitu *BayĒn TajallĒ*, *ShifĒ' al-QulĒb* dan teks *MawĒiĒ al-BadĒ'*. Keadaan fizikal naskhah tersebut masih baik. Kertas yang digunapakai adalah kertas infort tebal dengan ukuran 20.5 X 15. Terdapat tera air iaitu TSC. Naskhah ini mengandungi 53 halaman. Halaman yang digunapakai ialah halaman 1 hingga halaman 45. Manakala halaman seterusnya tidak digunakan dan dibiarkan kosong.

Teks *MawĒiĒ al-BadĒ'* pada naskhah ini dimulai dengan halaman 11 hingga halaman 45. Nombor dalam halaman ditulis dengan pensil. Kemungkinan dibuat oleh bahagian pernaskhahan. Teks ditulis dengan khat *nashhi* dengan gaya *riq'i* seperti pada huruf "sin" dengan menggunakan tinta warna hitam dan merah. Manakala warna merah digunapakai untuk menulis awal perbincangan, ayat al-Qur'an dan hadith. Setiap halaman teks ditulis sebanyak 17 baris. Pada beberapa halaman terdapat beberapa catatan pinggir. Catatan tersebut lebih merupakan tambahan beberapa tulisan yang kurang pada teks seperti pada halaman 1, 29 dan 30.

Struktur teks tidak lengkap. Keadaan tersebut dapat dilihat jelas pada permulaan teks yang tidak lengkap dengan bahagian pendahuluan. Teks tersebut terus dimulai dengan "pengajaran itu dengan tulung Tuhanku yang amat kuasa yang memiliki sekalian pekerjaan..". Manakala pada bahagian isi, teks ini hanya memuatkan 32 pengajaran sahaja. Meskipun diakhiri dengan salawat. " *tamat wa Œalallahu 'alĒ*

Mu'ammad.” Mengenai keterangan penyalin, tempatnya dan penyalinnya juga tidak dijumpai. Bahkan tajuk juga tidak dijumpai.

s. No. 27 A/HD/1/YPAH/ 2005

Kod bagi naskhah ini sebelumnya adalah No. 120/NKT/YPAH/1995. Dalam naskhah ini terdapat dua teks. Pertama adalah *MawÉ‘iD al-BadÉ’* manakala turutan kedua adalah *IËÉÍ al-bÉb limurÉd al-NikÉÍ bi al-ØawÉb*. Keadaan fizikal cukup bagus dan telah diulang cetak jilidnya dengan cover. Cover terbuat dari kertas tebal yang dilapisi dengan kertas berwarna putih dan terdapat gambar kerang. Terdapat 3 kuras yang masing-masing 10 lembaran folio.

Bahan kertas naskhah adalah kertas Eropah tebal dengan ukuran 24.5 X 18 cm. Sebahagian sudah menjadi warna hitam iaitu pada halaman pertama. Namun pada bahagian tengah kertas yang sememangnya putih masih nampak bersih meskipun sudah agak pudar kerana termakan dek usia. Di samping juga terdapat beberapa tompokan seperti terkena air. Kemungkinan pernah berada di tempat yang lembab sehingga terkena air. Terdapat lubang akibat dimakan anai-anai pada naskhah bahagian bawah. Mulai halaman 35 rekto lubang tersebut semakin banyak dan besar pada halaman-halaman berikutnya hingga halaman yang terakhir. Terdapat juga cap kertas iaitu Cescent.

Teks ditulis dengan khat *riq’i* dalam 19 baris pada setiap halaman. Ditulis dengan tintah hitam juga tinta merah pada bahagian awal perbincangan, ayat al-Qur’an dan hadith. Teks dimulai pada halaman 1 rekto dan tamat pada halaman 42 rekto. Terdapat halaman yang kosong iaitu halaman 40 verso, 42 verso. Terdapat catatan pinggir hampir pada setiap halaman, mulai halaman 36 hingga akhir. Tidak terdapat iluminasi.

Struktur teks adalah lengkap dimulai dengan pendahuluan dan tamat pada pengajaran ke 50. Pada bahagian pendahuluan dijelaskan tajuk kitab iaitu "*mawÉ'iÐ al-badÉ*". Tajuk tersebut kembali diulang pada bahagian kolofon. Pada kolofon juga memuatkan tempat teks disalin iaitu Makkah. tidak menyatakan tahun, kecuali hanya bulan sahaja. "*..... telah selesai hamba faqir ila Allah Ta'ala yang hina daripada segala [] menterjemahkan kitab ini pada hijrah nabi SAW kitab MawÉ'iÐ al-BadÉ' pada waktu ÌuÍÉ pada negeri Makkah pada bulan Safar....*". Namun dalam catatan pinggir tertulis tahun teks tersebut disalin iaitu tahun 1220 H. "*..... seribu dua ratus dua puluh tahun pada setengah bulan rabi' al-akhir, tamat...*"

5.1.3. Perbandingan Bahasa dan Ejaan

Pada bahagian sebelumnya telah dideskripsikan satu persatu keadaan fizikal naskhah dan kelengkapan struktur teksnya. Dijumpai bahwa majoriti teks *MawÉ'iÐ al-BadÉ* memiliki struktur teks yang lengkap hanya beberapa naskhah sahaja yang tidak lengkap. Namun apabila dilihat dari aspek bahasa dan ejaan terdapat perbezaan pada setiap teks. Perbezaan tersebut bukanlah merupakan satu kesalahan akan tetapi dianggap sebagai variasi yang boleh membantu dalam menjelaskan makna teks itu sendiri. Selain itu – dalam kes bahasa melayu – perbezaan juga boleh menjadi satu bentuk perkembangan bahasa itu sendiri.

Pertama, perbezaan dalam pemilihan kata. Perbezaan tersebut nampak pada beberapa bentuk seperti pada naskhah MSS.3868 yang menulis dengan bentuk singkatan. Seperti pada setiap kalimat *Øalallahu 'Alaihi wa Sallam* di singkat menjadi *Îal'ama*. Juga seperti kata *firman* pada naskhah (S) dan *be[r]firman* pada naskhah (K) berbeza dengan kata *berkata* pada beberapa naskhah lainnya. Manakala kata *debu* pada

naskhah (R) juga memiliki makna yang sama dengan kata *habu* pada naskhah lainnya. Dan apabila dilihat kadar perbezaan pada naskhah, maka naskhah (R) adalah yang banyak memiliki perbezaan.

Kedua, penambahan serta pengurangan kata atau kalimat seperti penambahan kata *Tuhan* pada naskhah (L) dan (E). Sedangkan kata tersebut tidak dijumpai pada naskhah lainnya. Manakala penambahan kalimat adalah seperti yang berlaku pada naskhah (R). Pada naskhah ini tidak dijumpai kalimat ”*ia di dalam dunia*”. Juga kalimat ”*di dalam dunia*”, tidak dijumpai pada naskhah (F) dan (G). Padahal pada naskhah lainnya kalimat tersebut tertulis. Bahkan pada naskhah (K) setelah kata ”*dunia*” dijumpai tambahan kalimat ”*daripada menghasilkan akan bekal*” yang tidak dijumpai pada naskhah lainnya. Pada naskhah (K) juga dijumpai teks yang ditulis dengan bahasa Arab sebelumnya kemudian diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Teks berbahasa Arab tersebut dilengkapi dengan baris (*harakat*). Namun baris yang terdapat pada teks tersebut telah mengurangi kualiti naskhah. Keadaan tersebut disebabkan kerana banyaknya penyimpangan pada aspek gramatikal Arab.

Ketiga, perbezaan ejaan kerana perbezaan pada penulisan huruf. Gejala ini dijumpai pada kebanyakan naskhah. Beberapa perbezaan tersebut boleh disebabkan kerana sistem ejaan yang berubah pada tiap generasi atau kerana pengaruh dialek (pengucapan) yang berbeza. Dalam hal ini perbezaan pada edisi tersebut akan diseragamkan mengikut naskhah induk. Kerana perbezaan tersebut tidak menyentuh pada aspek makna. Di antara perbezaan tersebut adalah;

Naskhah	Bentuk 1	Bentuk 2	Bentuk 3	Bentuk 4	Bentuk 5
A	فغجاران	برجينك2	مموئه	الهم	مداهن2
	<i>PengajarÉn</i>	<i>BerjÊnak2</i>	<i>MemËnuh</i>	Olehmu	Mudah-mudahan
B	فغجاران	برجينك2	مميونه	اولهكامو	مدهدهن

	<i>PengajarÉn</i>	<i>BerjĒnak2</i>	Membunuh	OlehkĒmĒ	Mudah-mudahan
C	فَعَجَارَن	بَرَجِينَكْ2	مَمُونَه	اولهكامو	مدهدهن
	Pengajaran	Berjinaq2	<i>MemĒnuh</i>	OlehkĒmĒ	Mudah-mudahan
D	فَعَجَارَن	بَرَجِينَكْ2	مَمُونَه	اولهكامو	مدهداهن
	Pengajaran	<i>BerjĒnak2</i>	<i>MemĒnuh</i>	OlehkĒmĒ	Mudah-mudahan
E	فَعَجَارَن	بَرَجِينَكْ2	مَمُونَه	اولهكامو	مد2هن
	<i>PengajarÉn</i>	<i>BerjĒnak2</i>	MemunĒh	OlehkĒmĒ	Mudah-mudahan
F	فَعَجَارَن	بَرَجِينَكْ2	مَمُونَه	الهم	مدهدهن
	Pengajaran	<i>BerjĒnak2</i>	<i>MemĒnuh</i>	Olehmu	Mudah-mudahan
G	فَعَجَارَن	بَرَجِينَكْ2	مَمِينَه	اوله كامو	مدهدهن
	<i>PengajarÉn</i>	<i>BerjĒnak2</i>	MembĒnuh	Oleh kĒmĒ	Mudah-mudahan
H	فَعَجَارَن	بَرَجِينَكْ2	مَمُونَه	الهم	مدهداهن
	Pengajaran	<i>BerjĒnak2</i>	<i>MemĒnuh</i>	Olehmu	Mudah-mudahan
I	فَعَجَارَن	بَرَجِينَكْ2	مَمُونَه	الهكامو	مداهمداهن
	Pengajaran	Berjinaq2	<i>MemĒnuh</i>	OlehkĒmĒ	Mudah-mudahan
J	فَعَجَارَن	بَرَجِينَكْ2	مَمُونَه	اولهكام	مدهداهن
	Pengajaran	<i>BerjĒnak2</i>	MemĒnuh	OlehkĒmu	Mudah-mudahan
K	فَعَجَارَن	بَرَجِينَكْ2	مَمُونَه	الهم	مدهدهن
	Pengajaran	<i>BerjĒnak2</i>	<i>MemĒnuh</i>	Olehmu	Mudah-mudahan
L	فَعَجَارَن	بَرَجِينَكْ2	مَمِينَه	الهكامو	مداهن
	Pengajaran	<i>BerjĒnak2</i>	MembĒnuh	OlehkĒmĒ	Mudah-mudahan
M	فَعَجَارَن	بَرَجِينَكْ2	مَمُونَه	الهكامو	مدهداهن
	Pengajaran	<i>BerjĒnak2</i>	<i>MemĒnuh</i>	OlehkĒmĒ	Mudah-mudahan
N	فَعَجَارَن	بَرَجِينَكْ2	مَمِينَه	الهم	مدهدا
	Pengajaran	<i>BerjĒnak2</i>	MembĒnuh	Olehmu	Mudah-

					mudahan
O	فَعَجَارَن	بَرَجِينَكْ2	مَمِيُونَه	الَهَم	مَدَهْمَدَهَن
	Pengajaran	<i>BerjĒnak2</i>	MembĒnuh	Olehmu	Mudah-mudahan
Q	فَعَجَارَن	بَرَجِينَكْ2	مَمُونَه	اُولَهْكَام	مَدَهْمَدَهَن
	Pengajaran	<i>BerjĒnak2</i>	<i>MemĒnuh</i>	OlehkĒmu	Mudah-mudahan
R	فَعَجَارَن	بَرَجِنَقْ جِنَاكْ	مَمُونَه	الَهْكَام	مَدَهْمَدَهَن
	Pengajaran	Berjinaq-jinĒk	<i>MemĒnuh</i>	Olehkamu	Mudah-mudahan
S	فَعَجَارَن	بَرَجِنَقْ2	مَمِيُونَه	اُولَهْ كَامُو	مَدَهْمَدَاهَن
	Pengajaran	Berjinaq2	MembĒnuh	Oleh kĒmĒ	Mudah-mudahan

Keempat, perbezaan kerana hilangnya satu kata atau lebih kerana terdapat kata atau rangkaian huruf yang berulang dua kali. Seperti pada majoriti naskhah ditulis ”dan manusia kamu dan jin kamu” Namun tiba-tiba pada naskhah (Q) dan (R) hilang. Juga pada majoriti naskhah dijumpai kalimat ”dan tidak kamu berkata melainkan dengan orang yang berkata ia dengan kamu”. Namun pada naskhah (B) tidak dijumpai, pada naskhah (F) dijumpai ”.....berkata ia dengan kamu” dan pada naskhah (G) dijumpai ”... tidak kamu berkata melainkan dengan orang yang.....”. selain itu juga pada majoriti naskhah dijumpai kalimat ”dan jikalau engkau sabar pada barang tinggal daripada umurmu, niscaya zuhudlah engkau pada barang yang tinggal daripada ajalmu”. Namun pada naskhah (D) hanya tertulis ”dan jikalau engkau sabar pada barang tinggal daripada umurmu,.....”.

Kelima, perbezaan kerana pengulangan beberapa huruf atau suku kata seperti pada majoriti naskhah tertulis ”daripada segala kerabat dan segala sahabat”. Namun pada naskhah (H) kalimat ”dan segala sahabat” berulang dua kali. Juga pada kalimat ”Hai anak Adam, berdiri tujuh petala langit” adalah yang tertulis pada majoriti naskhah. Namun pada naskhah (I) kata ”tujuh” berulang dua kali. Juga pada kalimat ”Niscaya

binasalah amal kamu". Dalam naskhah (B) dijumpai kata "niscaya binasalah amal kamu" yang berulang dalam penulisannya.

Keenam, perbezaan kerana lebihnya beberapa kata atau kalimat. Seperti kalimat "seperti" yang tertulis pada majoriti naskhah dengan "dan engkau perbuat seperti perbuatan munafiq". Namun pada naskhah (D), (E) dan (S) kata "seperti" tidak dijumpai. Sehingga tertulis "dan engkau perbuat ... perbuatan munafiq". Bahkan pada naskhah (M) dijumpai banyak kata yang terlebih. Sehingga kalimat tidak lengkap penulisannya. iaitu ".....perbuatan munafiq". Selain kata, terdapat juga beberapa kalimat yang terlebih. seperti pada naskhah (C) dan (M). Kalimat tersebut adalah " ... dan ubat bagi penyakit yang di dalam hati kamu. Maka tiada kamu...". Bahkan pada naskhah (S) kalimat yang terlampau lebih panjang. Iaitu ".....dan ubat bagi penyakit yang di dalam hati kamu. Maka tiada kamu berbuat baik melainkan bagi barang siapa yang berbuat baik kepada kamu" manakala pada majoriti naskhah tertulis " Hai manusia, telah datang akan kamu pengajaran daripada Tuhan kamu dan ubat bagi penyakit yang di dalam hati kamu. Maka tiada kamu berbuat baik melainkan bagi barang siapa yang berbuat baik kepada kamu."

Ketujuh, perbezaan kerana perbezaan turutan kata atau kalimat. Seperti susunan kata pada majoriti naskhah adalah "jika tiada aku beri akan dikau tiada engkau sabar". Akan tetapi pada naskhah (S) tertulis "jika tiada aku beri akan dikau tiada sabar *engkau*". Juga seperti kalimat yang tertulis pada majoriti naskhah, iaitu "dan bahwasanya Allah Ta'ala itu menunjuk ia akan barang siapa yang berkehendak ia". Namun pada naskhah (S) kata "bahwasanya" tertulis setelah kata "Allah Ta'ala".

Gejala di atas banyak dijumpai pada majoriti naskhah. Meskipun kadar perbezaan antara naskhah satu dengan lainnya berbeza. Selain itu, pada naskhah (K) terdapat potongan kalimat yang tidak dijumpai pada naskhah-naskhah lainnya, iaitu;

Hai hambaku enam daripada Ku dan enam daripadamu. Ampun daripada Ku dan taubat daripadamu. Dan nikmat daripada Ku dan sukur daripadamu. Dan surga daripada Ku dan ta'at daripadamu. Dan karunia daripada Ku dan minta daripadamu. Dan hukum daripada Ku dan ridha daripadamu. Dan bala' daripada Ku dan sabar daripadamu.

Dan pada naskhah (A) juga dijumpai satu paragraf yang terulang, yaitu;

Dan bahwasanya awal kamu dan akhir kamu, dan manusia kamu dan jin kamu. Dan orang yang mati kamu dan orang yang hidup kamu dan yang kecil kamu dan besar kamu dan yang merdeka kamu dan segala yang hamba kamu muwafaqah berhimpun mereka itu semuanya atas berbuat ta'at akan daku maka hanya sungguh bersungguh² ia mengasih ia faedah bagi dirinya.

Bahkan pengulangan yang sangat banyak terdapat pada naskhah (C) dan (Q) . Pengulangan pada naskhah (Q) adalah pada pengajaran yang ketujuh belas halaman 12 rekto hingga pengajaran yang kesembilan belas halaman 13 rekto. Manakala naskhah (C) pengulangan terdapat pada halaman 103 rekto sampai dengan halaman 104 rekto.

5.1.4. Kesimpulan

Setelah di deskripsikan keadaan fizikal naskhah sebagaimana di atas dijumpai bahawa beberapa naskhah memiliki karakteristiknya masing-masing. Berdasarkan kelengkapan struktur teks dijumpai bahwa hanya 10 naskhah sahaja yang lengkap. Iaitu naskhah (A), (C), (D), (G), (H), (I), (K), (N), (Q) dan (S). Sedangkan mengenai keadaan fizikal naskhah, dijumpai satu naskhah yang tidak boleh dijadikan perbandingan, iaitu ML 323 koleksi PNRI. Naskhah ini telah mengalami kerosakan yang teruk. Adapun naskhah tertua berdasarkan pada tulisan yang tercatat pada manuskrip adalah tahun 1220 H iaitu naskhah dengan kod (D), (M) dan (S).

Setelah dilakukan kritik teks terhadap keseluruhan naskhah kecuali naskhah (P). Maka dijumpai bahwa beberapa naskhah memiliki tulisan dan bahasa yang baik. Di

antaranya adalah naskhah kod. (A), (G), (L), (N) dan (O). Manakala beberapa naskhah lainnya terdapat beberapa penyimpangan. Apabila dilihat dari dua aspek tersebut – struktur teks dan kritik teks – maka naskhah (A) dianggap sebagai naskhah yang lengkap dan memiliki tulisan yang jelas serta bahasa yang baik. Meskipun memiliki umur yang lebih muda satu tahun dari naskhah tertua.

5.2. Metode dan Simbol Edisi Kritik Teks.

Setelah ditentukan satu naskhah sebagai naskhah dasar edisi, maka pada bahagian ini beberapa langkah dalam penyusunan edisi akan dibincangkan. di samping juga beberapa simbol yang banyak digunapakai dalam edisi tersebut.

5.2.1. Metode Edisi Kritikal Teks.

Oleh kerana usaha mengumpulkan, mendeskripsikan dan membandingkan naskhah telah dilakukan, maka pada bahagian ini akan disoroti langkah-langkah pengkajian tentang perbezaan yang terdapat pada beberapa manuskrip. Kerana perbezaan tersebut akan membantu dalam menghasilkan edisi teks yang sempurna. Untuk tujuan di atas pengkaji menggunakan metode landasan iaitu menjadikan manuskrip dengan kod.(A) iaitu MSS. 3565 menjadi dasar dalam edisi. Manakala naskhah lainnya akan digunapakai untuk dibuat perbandingan jika terdapat bacaan yang berbeza.

Adapun edisi yang dilakukan adalah edisi jawi tanpa melakukan transliterasi. Mengingat saiz karya yang besar maka edisi ini akan dilakukan dari pendahuluan hingga pengajaran yang kedua puluh lima sahaja. Manakala pengajaran selanjutnya

akan dibincangkan kemudian, *Insyar Allah* Beberapa prinsip dalam membuat edisi ini antaranya;

- a. Membahagi paragraf berdasarkan pada kesatuan idea. Membahagi bab dan tajuk. (dilakukan sesuai dengan keterangan dalam naskhah). Memberi nombor pada tiap-tiap halaman dan menambah beberapa tanda baca.
- b. Membandingkan naskhah-naskhah yang ada untuk tujuan perbaikan teks. Dengan menampilkan pada matan, teks yang mendekati kebenaran ini dilakukan dengan menambah, menghapus dan mengganti bacaan yang dirasa menyimpang. Penambahan dilakukan pada bahagian teks yang tertinggal yang diketahui berdasarkan kelengkapan teks pendukung sekaligus menjadi sumber penambahan. Manakala penghapusan dilakukan pada bahagian teks yang berulang atau menyimpang yang mana dilihat dari teks pendukung. Bahagian yang dihapus selanjutnya diletakkan dalam aparat kritik. Sedangkan penggantian diambil dari teks pendukung. Jika tidak dijumpai maka bacaan secara langsung diperbaiki. Dan bacaan yang diganti diletakkan pada aparat kritik.
- c. Kata pada teks pendukung ditulis dalam aparat kritik jika terdapat perbezaan pada teks dasar.
- d. Keterangan-keterangan tambahan ditulis dalam aparat kritik.

5.2.2. Simbol Edisi Kritik Teks.

Di dalam edisi ini akan digunakan beberapa tanda simbol. Simbol tersebut sebagai keterangan dan bertujuan untuk memudahkan pemahaman edisi teks. Pembuatan tanda simbol disesuaikan dengan naskhah yang ada. Tanda simbol seperti dipaparkan dalam teks sebagai berikut:

1. ص – أ Kod manuskrip pertama hingga 19 yang menjadi sumber edisi teks.
2. (أ) Huruf *Alif* dan angka di dalam kurungan menunjukkan halaman daripada manuskrip kod A.
3. [] Tanda simbol ini ertinya kata di dalam simbol tersebut yang mendekati kebenaran dan perbezaannya diletakkan pada nota kaki
4. () Tanda simbol tentang keterangan ayat al-Qur'an.
5. {...} Tanda simbol tentang keterangan hadith.
6. /أ ٥ ب/ Nombor halaman manuskrip dasar, dan halaman tersebut menunjukkan peletakan kata yang berbeza dengan manuskrip yang lain.
7. / ط ٥ أ / Huruf *Īa'* pada sisi kanan menunjukkan nama manuskrip dan huruf *alif* kiri menunjukkan kod halaman rekto manuskrip.
8. + Tanda ini menunjukkan adanya kata atau kalimat yang ditambah di dalam manuskrip.
9. - Tanda ini menunjukkan adanya kata atau kalimat yang dihilangkan/dikurang di dalam manuskrip.
10. (صح) Tanda ini menunjukkan adanya kata atau kalimat yang ditulis di luar teks yang menunjukkan perbaikan teks pada naskhah tertentu.
11. [.....] Tanda ini menunjukkan adanya kata atau kalimat yang tidak terbaca.